

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 (19)

7 April 2021
24 Syaaban 1442

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 15/2021

PENANGGUHAN PERGERAKAN GAJI TAHUNAN (PGT) BAGI STAF YANG GAGAL MEMBUAT PERISYTIHARAN HARTA

Dimaklumkan bahawa Pengurusan Universiti melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bil. 28/2019 pada 23 Disember 2019 telah memutuskan penangguhan Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) akan dikenakan ke atas staf yang gagal membuat perisytiharan harta mengikut peraturan yang berkuat kuasa.

2. Penangguhan PGT ini adalah selaras dengan Perkara 9 (1) Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000, iaitu semua staf **diwajibkan** mengisytiharkan harta yang dimilikinya dan kegagalan mengisytiharkan harta boleh menyebabkan staf dikenakan tindakan tatatertib. Staf dikehendaki membuat Perisytiharan Harta sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima (5) tahun dan **tempoh sah lima (5) tahun berkenaan** dikira berdasarkan tarikh terakhir kelulusan Perisytiharan Harta diberikan.

3. Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib (Perisytiharan Harta) Bil. 1/2021 pada 16 Mac 2021 telah bersetuju sekiranya mana-mana **staf yang masih gagal membuat perisytiharan harta dan belum mendapat kelulusan Jawatankuasa Tatatertib (Perisytiharan Harta), Pergerakan Gaji Tahunan akan ditangguh.**

4. Berdasarkan Peraturan 21, Peraturan-peraturan Tatatertib Badan-Badan Berkanun, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 menyatakan **Ketua Jabatan perlu menjalankan tugas kawalan dan pengawasan tatatertib ini** dengan mengarahkan mana-mana pegawai yang didapati tidak membuat perisytiharan harta untuk membuat perisytiharan segera, yang mana **jika gagal, Ketua Jabatan turut boleh dikenakan tindakan tatatertib.**

5. Oleh yang demikian, mohon kerjasama semua staf UTM untuk mengambil perhatian akan perkara ini.

Sekian, terima kasih.

“Prihatin Rakyat: Darurat Memerangi COVID-19”

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Saya yang menjalankan amanah,



(ABDUL RAZIB BIN HJ. SHAHUDDIN)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Pusat Penyelidikan – Kampus Pagoh
 - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

NS/zo